



**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
SAMBUTAN TAHUN BARU CINA
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**6 FEBRUARI 2017 (ISNIN)
DI DATARAN DBKL, JALAN RAJA LAUT
KUALA LUMPUR**

Bismillah hirrahman Nirahim.

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis

(Senarai saluti akan diselaraskan kemudian)

Para wakil media,

YBhg. Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

1. Pertama sekali saya ingin memanjatkan rasa penuh kesyukuran saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya jua, kita dapat berkumpul dan bersama-sama meraikan Sambutan Tahun Baru Cina yang kebetulan jatuh berdekatan dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017. Meskipun hari ini sudah masuk hari ke 10, namun

saya percaya kemeriahan dan keterujaan sambutan tahun *fire roaster* ini masih dirasakan.

2. Rasa syukur ini juga kita panjatkan kerana kita dapat meraikan sambutan Tahun Cina pada tahun ini dalam keadaan yang harmoni walau apa kemelut yang kita hadapi kerana Kerajaan akan tetap teguh berpaksikan kepada prinsip untuk menjaga serta memelihara kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Sambutan Tahun Baru Cina sememangnya dinanti-nantikan oleh kaum Cina dan ditambah meriah apabila menerima kunjungan dari rakan taulan bangsa Melayu dan India pastinya dapat menyuburkan semangat kebersamaan dan perpaduan. Konsep ziarah-menziarahi inilah yang mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan masyarakat kita yang berbilang kaum. Keistimewaan ini harus kita bangga dan kekalkan untuk tahun-tahun yang akan datang.
4. Walau bagaimanapun, kemeriahan dan keriangannya Tahun Baru Cina akan lebih bermakna apabila dikongsi dengan mereka yang memerlukan bantuan dan serba kekurangan seperti keluarga miskin, orang kurang upaya termasuk OKU kanak-kanak dan warga emas. Adalah besar harapan saya agar sambutan yang Kementerian anjurkan ini akan membuka ruang yang luas untuk kita memupuk nilai-nilai keprihatinan, saling menghormati dan menyayangi serta

berkongsi kegembiraan yang dikecapi bersama-sama dengan insan yang kurang bernasib baik.

5. Ditambah pula pada tahun ini mengikut zodiak Cina merupakan Tahun Ayam Api (Fire Roaster Year) yang membawa maksud segala hal yang berkenaan dengan kewangan akan bertambah baik, bermula dari pelaburan kewangan, membuka perniagaan baru sehinggalah perjalanan kerjaya. Ini dikaitkan dengan binatang ayam yang bekerja keras dan tidak kenal lelah. Semoga kehidupan serta keadaan ekonomi Wilayah Persekutuan yang kita sayangi ini bertambah baik pada tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin sekalian,

6. Bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang turut dimeriahkan dengan majlis Sambutan Tahun Baru Cina, sebanyak 45 program yang menarik diatitkan yang pastinya memberi manfaat kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan sepanjang bulan Februari ini bersesuaian dengan tema yang diangkat iaitu “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera”.
7. Menariknya pada tahun ini adalah Kementerian banyak memperkenalkan program-program baru yang berimpak tinggi. Program-program yang disusun melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Pastinya program pada tahun ini lebih meriah dan ceria.

8. Sambutan tahun ini tidak diadakan secara berlebihan kerana kita sedar negara sedang berada dalam keadaan ekonomi yang agak mencabar serta kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat. Terdapat beberapa program yang dilaksanakan secara *smart partnership* bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO), persatuan-persatuan dan badan korporat dalam merealisasikan inisiatif penjimatan seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri.

9. Semua warga Wilayah Persekutuan adalah sangat dialu-alukan untuk menyertai semua program yang dianjurkan. Ini kerana semua program ini dibuat untuk anda semua. Ambillah kesempatan ini untuk kita buktikan kesungguhan kita dalam meningkatkan perpaduan, keharmonian serta keceriaan dalam kalangan rakyat. Berganding bahu bersama-sama bergerak ke arah apa yang direncanakan. Semoga Wilayah Persekutuan yang kita kasihi ini akan terus maju dan membangun ke arah yang kita mahukan iaitu sentiasa bersih, ceria, mengurangkan kerosakan kepada alam sekitar dengan penggunaan produk biodegradasi dan katakan tidak kepada polistrin dan beg plastik dan lain-lain lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,

10. Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dalam usaha mensejahterakan rakyat di Wilayah Persekutuan ini. Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian adalah melalui 6 task force. Pertama adalah Task Force Perumahan di mana penumpuan diberikan kepada pembinaan

Perumahan Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) di Wilayah Persekutuan.

11. Kedua adalah Task Force Kebersihan yang merupakan usaha kementerian meningkatkan tahap kebersihan melalui program Pembangunan Semula Pasar Harian, Program Transformasi Pasar Malam dan Ops Anti Litter dan penyediaan, pengurusan dan pengoperasian pusat transit gelandangan secara berterusan.
12. Bagi task force ketiga, Kementerian telah pun menggerakkan Task Force Banteras Aktiviti Haram (Ops BAH) dengan kerjasama strategik antara 23 agensi kerajaan dan 13 badan-badan bukan kerajaan (NGO) menggembeng tenaga membanteras aktiviti-aktiviti haram (penagihan dadah, judi haram dan pelacuran) di Wilayah Persekutuan.
13. Manakala bagi task force keempat pula adalah Task Force Penyelenggaraan yang bertanggungjawab untuk meronda, melaporkan dan membuat penyelenggaraan kerosakan-kerosakan kecil yang berlaku kepada kemudahan awam di Wilayah Persekutuan.
14. Task force kelima memberi tumpuan lalulintas yang memfokuskan kepada penyelesaian permasalahan kesesakan lalu lintas di jalan raya-jalan raya utama di pusat bandar sehinggalah kepada kesesakan yang berpunca daripada kedudukan 60 sekolah rendah dan menengah di dalam pusat bandar dan sekitar Kuala Lumpur.

15. Dan yang terakhir adalah taks force khas bagi menangani isu kos sara hidup yang tinggi di Labuan. Ini termasuklah mencari alternatif baharu mendapatkan barangan keperluan asas untuk rakyat Labuan pada harga yang rendah dan berpatutan. Alternatif yang dilaksanakan juga akan mengurangkan kebergantungan barangan dari luar yang melibatkan kos pengangkutan dan logistik yang tinggi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat, pihak Yayasan Wilayah Persekutuan sangat bermurah hati untuk mengagihkan sumbangan wang tunai kepada 2,500 orang asnaf dan golongan yang memerlukan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM75,000.00.
17. Semoga sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 ini akan dapat memupuk rasa cinta dan sayang kepada Wilayah Persekutuan bagi mencapai matlamat membangunkan bersama kecemerlangan dan kegemilangan Wilayah Persekutuan.
18. Sebagai mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Wilayah Persekutuan pada tahun ini. Saya harap perayaan Tahun Baru Cina pada tahun ini akan terus mengeratkan ikatan kekeluargaan, jalinan persahabatan bertambah utuh, hubungan silaturrahim bertambah akrab serta kerjasama dalam kalangan komuniti bertambah mesra.

19. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan “Gong Xi Fa Cai” kepada semua warga Wilayah Persekutuan beragama Tiong Hua dan semoga tahun ayam api ini akan membawa keamanan, kemakmuran memberikan tuah serta keuntungan yang berterusan yang juga akan dapat dinikmati bersama seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini.

20. Sekian, terima kasih.